



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan: JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 25 (9)

Tarikh : 30 September 2021

Semua Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Pembinaan
Pengarah JKR KESEDAR
Pengarah JKR KETENGAH
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 24 /2021

**PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN OPERASI DAN
PENYENGGARAAN BANGUNAN WARISAN (GPOPBW)**

1.0 TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk memberi maklumat berkenaan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan Bangunan Warisan (GPOPBW) oleh semua pegawai yang terlibat mengurus aset kerajaan semasa fasa operasi dan penyenggaraan di Pejabat Pegawai Penguasa Fasiliti.

1/6

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pembangunan dokumen garis panduan ini adalah sejajar dengan Pekeliling Am Bil. 1/2009: Dasar Pengurusan Aset Kerajaan dan Pekeliling Am Bil. 2/2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan yang menetapkan bahawa satu dokumen panduan melaksanakan operasi dan penyenggaraan aset perlu disediakan bagi memastikan aset dapat berfungsi secara optimum.
- 2.2 Garis panduan ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) pada 22 Julai 2020.
- 2.3 Antara matlamat dokumen Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan Bangunan Warisan (GPOPBW) adalah:
- 2.3.1 Memastikan segala aktiviti operasi dan penyenggaraan bangunan warisan mematuhi Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) serta undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.3.2 Memastikan semua aset bangunan warisan dan bangunan yang mempunyai nilai warisan disenggara secara sistematik dan menggunakan kaedah yang betul.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan Bangunan Warisan (GPOPBW) ini diguna pakai untuk bangunan kerajaan yang telah diwartakan dan dipulihara sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Walau bagaimanapun, garis panduan ini boleh dijadikan rujukan untuk sebarang bangunan warisan yang perlu disenggara. Ia menerangkan tiga (3) proses kerja seperti yang berikut:

- i. Peringkat Perancangan
- ii. Peringkat Pelaksanaan
- iii. Peringkat Pelaporan

3.2 Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan Bangunan Warisan (GPOPBW) perlu dibaca bersama:

- i. Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM), Jabatan Perdana Menteri
- ii. Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA), Jabatan Perdana Menteri
- iii. Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan, Jabatan Kerja Raya
- iv. Manual Operasi Pengurusan Ruang, Jabatan Kerja Raya
- v. Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA), Jabatan Kerja Raya
- vi. Garis Panduan Penilaian Pasca Menduduki (*Post Occupancy Evaluation* - POE), Jabatan Kerja Raya

- vii. Sistem Pengumpulan Data Aset Tak Alih (PeDATA), Jabatan Kerja Raya
 - viii. Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard terkini daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 - ix. Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Jabatan Warisan Negara
 - x. Enakmen atau ordinan atau Bill Negeri-Negeri
- 3.3 Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan Bangunan Warisan ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah Kanan

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Tingkat 5, Blok F

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin

50582 Kuala Lumpur

(u.p. : Bahagian Perundingan Pengurusan Aset)

Tel. : 03-2610 7500/ 7501

Emel : bppa@jkr.gov.my

4.0 KUAT KUASA

- 4.1 Surat arahan ini terpakai untuk semua pejabat di JKR Malaysia dan urusan operasi dan penyenggaraan premis-premis Kerajaan di bawah kendalian JKR.
- 4.2 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN)

Tarikh : 30 September 2021

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat